

## ANGKASA dan Zurich Takaful Bekerjasama Melancarkan Skim Perlindungan MyANGKASA Plus, Memberikan Manfaat Kepada 7.2 Juta Anggota Koperasi

PETALING JAYA, 9 Januari 2024 – ANGKASA menerusi anak syarikatnya MyANGKASA Holdings Sdn. Bhd. mempelopori produk tambah nilai baharu, Skim Perlindungan MyANGKASA Plus dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan khususnya bagi perlindungan kepada koperasi dan syarikat yang terlibat dalam sektor kewangan. Rantainya nilai tambah perlindungan menerusi perkhidmatan kewangan Ekosistem Kredit Koperasi ANGKASA itu adalah hasil kerjasama antara MyANGKASA Holdings Sdn Bhd (MHSB) bersama Zurich Takaful Malaysia Berhad dan Zurich General Takaful Malaysia Berhad (Zurich Takaful).

Presiden ANGKASA, Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah berkata, Skim Perlindungan MyANGKASA Plus merupakan mekanisma yang akan membantu lebih 7.2 juta anggota koperasi menerusi pembayaran caruman mampu milik dengan perlindungan yang menyeluruh.

Tambahnya, objektif utama skim ini adalah memberikan manfaat perlindungan kepada kewangan koperasi dan syarikat serta kepada anggota yang membuat pembiayaan bersama koperasi mahupun syarikat yang menggunakan khidmat Sistem Potongan Gaji ANGKASA (SPGA) sekiranya berlaku musibah terhadap peminjam.

“Skim ini memberikan manfaat bantuan kewangan kepada peminjam yang mengalami bencana. Pembiaya juga akan dilindungi dengan perlindungan ke atas pembiayaan yang diberikan untuk mengurangkan risiko ketidakmampuan bayaran semula dan tunggakan. Dalam masa sama, MyANGKASA Amanah Berhad, syarikat pengurusan amanah milik ANGKASA juga turut bekerjasama dalam projek ini selaku pemegang dan pengurus amanah menerusi surat ikatan amanah yang akan ditandatangani oleh pelanggan.”

“ANGKASA akan memastikan skim ini akan diuruskan dengan tata kelola yang baik bagi menjamin duit manfaat ini akan disampaikan secara terus kepada waris tanpa keraguan bersama dengan perlindungan produk tambahan seperti hibah, wasiat dan pengurusan pusaka. Ini satu inisiatif baru yang menjadi kelainan kepada skim ini berbanding produk di pasaran sedia ada. Kerjasama bersama Zurich Takaful sebagai rakan strategik dalam skim ini adalah berdasarkan rekod kecemerlangan mereka dalam segi keupayaan pengurusan, kecekapan perkhidmatan dan keupayaan pembayaran tuntutan dan manfaat kepada pemilik sijil.” katanya ketika merasmikan program Skim Perlindungan MyANGKASA Plus, di Wisma Ungku A. Aziz, di sini.

Turut hadir, Hasnah Omar, Pengerusi Zurich Takaful Malaysia Berhad dan Zurich General Takaful Malaysia Berhad, Datuk Mohamad Ali Hasan, Anggota Lembaga ANGKASA merangkap Pengerusi MyANGKASA Amanah Berhad, Nur Fatimah Mustafa, Ketua Pegawai Eksekutif Zurich Takaful Malaysia Berhad, Shamsul Azman, Ketua Pegawai Eksekutif Zurich General Takaful Malaysia Berhad dan Dato’ Haji Abdullah Haji Jusoh, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan ANGKASA merangkap Pengarah Eksekutif MyANGKASA Holdings Sdn. Bhd.

Sementara itu, Shamsul Azman, Ketua Pegawai Eksekutif Zurich General Takaful Malaysia Berhad berkata, “Selain daripada manfaat kematian dan hilang upaya kekal, Zurich Takaful juga turut menawarkan perlindungan takaful bagi Kehilangan Pekerjaan Tanpa Sukarela akibat kemalangan.”

Pada masa sama, Nur Fatimah Mustafa, Ketua Pegawai Eksekutif Zurich Takaful Malaysia Berhad yakin pengalaman lebih 150 tahun, Zurich Takaful berupaya memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan khususnya menerusi Skim Perlindungan MyANGKASA Plus yang menawarkan pelan menyeluruh akibat semulajadi dan kemalangan dalam usaha memastikan anggota koperasi dilindungi 24 jam daripada situasi luar jangkaan di seluruh dunia.

# Siaran Media

9 Januari 2025



ZURICH

Takaful



"Inisiatif ini juga sejajar dengan kempen jenama 'Lindungi Segala Perkara Yang Bermakna' yang merupakan lanjutan daripada usaha berterusan untuk melindungi rakyat Malaysia agar mereka dapat menikmati kehidupan dengan penuh keyakinan demi masa depan yang lebih cerah." tambahnya lagi.

###

Nota kepada editor:

## Tentang ANGKASA

ANGKASA adalah Badan Puncak Gerakan Koperasi Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan untuk menyatukan dan mewakili koperasi di peringkat nasional dan antarabangsa. ANGKASA menjalankan khidmat teras seperti menyediakan khidmat potongan gaji kepada kakitangan kerajaan, badan berkanun, kelab, koperasi, dan kesatuan. ANGKASA melaksanakan program transformasi perniagaan dan keusahawanan koperasi dalam sektor perniagaan yang berimpak tinggi seperti Kewangan, Pertanian dan Industri Asas Tani, Pemborongan dan Peruncitan, Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan, Perladangan, Hartanah dan Industri Binaan, Inovasi dan Teknologi serta Pembangunan Komuniti.

Sehingga Jun 2024 terdapat 16,009 buah koperasi dengan keanggotaan seramai 7.2 juta individu, syer/yuran sebanyak RM18 Bilion, aset sebanyak RM171.40 Bilion dan perolehan sehingga 31 Disember 2023 sebanyak RM64.6 Bilion. (Sumber statistik: Suruhanjaya Koperasi Malaysia).

ANGKASA telah menerima pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti (ISO 9001:2015), Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISO/IEC 27001:2013) dan Sistem Pengurusan Anti-Bribery (ISO37001:2016). ANGKASA juga telah dianugerahkan Cyber Security Organization of The Year di bawah kategori Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS ISO 27001:2013) pada tahun 2015.

Seiring dengan 54 tahun penubuhannya, ANGKASA akan terus memperjuangkan hak dan kepentingan gerakan koperasi serta komited untuk meneraju dan melaksana inisiatif Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030 agar institusi ini terus berdaya maju dalam menghadapi cabaran masa hadapan serta berperanan sebagai instrument pengagihan ekonomi yang adil dan saksama demi kesejahteraan untuk semua.

Bagi menjaga kepentingannya, ANGKASA telah menubuhkan tiga anak syarikat langsung iaitu MyANGKASA Holdings Sdn Bhd, ANGKASA KoMARDI Dairy Sdn Bhd dan ANGKASA Resources and Consultancy Sdn. Bhd. MyANGKASA Holdings Sdn Bhd adalah cabang pengembangan aktiviti perniagaan ANGKASA yang membangunkan dan menguruskan perniagaan dengan rakan kongsi dalam dan luar ruang koperasi. Perniagaan-perniagaan ini akan dijalankan melalui pembentukan anak-anak syarikat seperti, MyANGKASA Amanah Berhad (MAAB); MyANGKASA Bina Sdn Bhd; MyANGKASA Dialisis Sdn Bhd (MDSB); MyANGKASA Farmasi Sdn Bhd (MFSB); dan MyANGKASA Services Sdn Bhd (MSSB).

Untuk maklumat lanjut mengenai ANGKASA, sila hubungi talian Khidmat Pelanggan di talian +603 78007800 atau e-mel kepada apex@angkasa.coop. Anda juga boleh lawati laman web kami di www.angkasa.coop dan berinteraksi dengan kami di akaun media sosial rasmi @ANGKASACoop.

# **Siaran Media**

9 Januari 2025



## Tentang Zurich Malaysia

Zurich Malaysia adalah istilah rujukan kolektif bagi anak-anak syarikat Zurich Insurance Group (Zurich) yang beroperasi di Malaysia: Zurich General Insurance Malaysia Berhad, Zurich Life Insurance Malaysia Berhad, Zurich General Takaful Malaysia Berhad dan Zurich Takaful Malaysia Berhad. Zurich Malaysia menawarkan pelbagai penyelesaian insurans dan takaful yang komprehensif; membantu individu dan juga pemilik perniagaan memahami dan melindungi diri, perniagaan dan juga asset mereka daripada risiko. Zurich Malaysia mempunyai rangkaian cawangan bersepadu di bandar-bandar utama di seluruh negara dan juga agensi dan saluran pengedaran yang berdedikasi di seluruh negara untuk memenuhi keperluan pelanggan. Untuk maklumat lanjut mengenai Zurich Malaysia, layari [www.zurich.com.my](http://www.zurich.com.my).